



Headline: Macau scam cuba perdaya pegawai polis
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 19 November 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 42

Macau Scam cuba perdaya pegawai polis

Ipoh: Sindiket penipuan Macau Scam ternyata tidak memilih mangsa dan ini terbukti apabila pegawai polis turut cuba ditipu, dengan taktik memperdayakan mangsa mempunyai saman trafik.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner A Asmadi Abdul Aziz, mendedahkan dirinya cuba ditipu oleh anggota sindiket berkenaan semalam, melalui panggilan telefon pada jam 1.30 tengah hari yang menyatakan beliau memiliki saman.

Beliau berkata, seorang wanita menghubunginya dan memperkenalkan diri sebagai Pegawai Tadbir (Bahagian Semakan Saman) Mahkamah Tinggi Johor Bahru dan memintanya memberikan nombor kad pengenalan untuk semakan saman.

“Saya memang menyedari ia adalah cubaan menipu dan bertindak merakamkan perbualan itu untuk tujuan tindakan lanjut.

“Saya berkongsi kes ini untuk memberi peringatan kepada orang ramai bahawa sindiket penipuan ini tidak mengira mangsa dan akan cuba memperdaya dengan pelbagai helah,” katanya pada sidang media, di sini semalam.